

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

25hb. November, 1971.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 19 TAHUN 1971

**Chatitan2 dalam Buku Penyata Perkhidmatan (Gen. 274)
dan Buku Rekod Besar Perkhidmatan (Gen. 90 - Rev. 7/55)**

Ada-lah saya di-arah menarek perhatian tuan kepada perkara mengenai chatitan2 yang di-masokkan ka-dalam Buku Penyata Perkhidmatan (Gen. 274) pegawai2 Kerajaan yang di-simpan oleh Ketua2 Jabatan dan Buku Rekod Besar Perkhidmatan (Gen. 90 -Rev.7/55) pegawai2 dalam perkhidmatan gunasama dan pegawai2 persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas dan Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas yang di-simpan di-Ibu Pejabat, Jabatan Perkhidmatan Awam.

2. Sebagaimana tuan harus ma'alum sabelum tahun 1955, ma'alumat2 mengenai chuti rehat biasa yang di-ambil oleh tiap2 pegawai Kerajaan telah dichatitkan ka-dalam Buku Rekod Chuti yang di-simpan di Chawangan Chuti, Ibu Pejabat, Jabatan Perkhidmatan Awam, berasingan daripada ma'alumat2 mengenai perkhidmatan mereka yang di-chatitkan ka-dalam Buku Rekod Besar Perkhidmatan (Gen. 90 - Rev.7/55) yang di-simpan di Chawangan Rekod, Ibu Pejabat, Jabatan Perkhidmatan Awam. Tetapi semenjak tahun 1955, apabila bentok Buku Rekod Besar Perkhidmatan (Gen, 90 - Rev.7/ 55) itu di-perubahan, peruntokan telah di-adakan untuk memasokkan ma'alumat2 mengenai chuti rehat biasa yang di-ambil oleh Pegawai Kerajaan ka-dalam Buku Rekod Besar Perkhidmatan (Gen. 90 - Rev. 7/55) itu. Tetapi malang-nya semenjak penyatuan itu berlaku, ma'alumat2 mengenai chuti rehat biasa yang diambil oleh tiap2 pegawai2 kerajaan yang sepatutnya di chatitkan telah tidak lagi di-chatitkan ka-dalam ruangan yang di-sediakan di-dalam Buku Rekod Besar Perkhidmatan (Gen. 90 - Rev . 7/55) itu. Namun demikian, ma'alumat2 mengenai chuti tanpa gaji, atau separoh gaji atau yang lain2 yang mana memerlukan kelulusan Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam ada-lah terus dicatatkan ka-dalam Buku Rekod Besar Perkhidmatan (Gen. 90 - Rev. 7/55) itu.

3. Daripada kedudukan yang di-jelaskan di-perenggan 2 di-atas terlihat bahawa penyemakan (verification) Buku Penyata Perkhidmatan (Gen. 274) pegawai2 Kerajaan berkenaan dengan Buku Rekod Besar Perkhidmatan (Gen. 90 - Rev. 7/55) tidak dapat di-lakukan sapenohnya di-sebabkan ma'alumat2 mengenai chuti rehat biasa yang diambil oleh pegawai2 berkenaan tidak di-chatitkan di-dalam Buku Rekod Besar Perkhidmatan (Gen. 90 - Rev. 7/55) itu. Oleh yang demikian, adalah ditegaskan bahawa selain daripada menchatitkan ma'alumat2 mengenai perkhidmatan tiap-tiap pegawai berkenaan sebagaimana yang di-amalkan sekarang. Ketua2 jabatan ada-lah juga terus bertanggung-jawab menchatitkan ka-dalam Buku Penyata Perkhidmatan (Gen. 274) ma'alumat mengenai chuti rehat biasa yang di-ambil oleh pegawai2 mereka. Jabatan Perkhidmatan Awam tidak lagi akan menyemak ma'alumat2 mengenai chuti rehat biasa yang dicatatkan di-dalam Buku Penyata Perkhidmatan (Gen. 274). Segala pertelingkahan di-antara pegawai2 berkenaan dengan Ketua2 Jabatan mengenai Kelayakan mereka mengambil chuti rehat biasa hendak-lah di-selesaikan oleh Ketua2 Jabatan berkenaan.

4. Dengan ini Ketua2 Jabatan ada-lah di-minta menyemak Buku Penyata Perkhidmatan (Gen. 274) pegawai2 mereka dan menchatitkan dengan sepenoh-nya ma'alumat2 mengenai perkhidmatan tiap2 pegawai mereka. Buku Rekod Perkhidmatan (Gen. 274) pegawai2 dalam perkhidmatan gunasama akan di-minta untuk di-semak daripada Ketua2 Jabatan pada bila masa jua pun.

5. Di dalam kes2 di- mana sa-saorang pegawai Kerajaan telah meningkat umur 50 tahun perhatian Ketua2 Jabatan ada-lah di-tarek kepada kandungan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1970](#) terutama sekali perenggan 6, yang mengsharatkan penyata perkhidmatan pegawai berkenaan di-semak oleh pehak berkuasa tertentu yang menyelenggarakan Buku Rekod Besar Perkhidmatan pegawai itu.

saya yang menurut perintah,

(MOHD. AFFENDY BIN HANAFIAH)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua2 Setiausaha Kementerian.
Ketua2 Pengarah Jabatan Persekutuan.
Yang Berhormat Setiausaha2 Kerajaan Negeri Malaysia Barat.